

Ucapan Perdana Menteri Dalam Bahasa Melayu

Saudara-Saudara Sekalian

Orang Melayu adalah tunggak penting dalam masyarakat berbilang-bangsa Singapura. Lebih kuat tunggak ini, lebih teguhlah masyarakat kita. Tunggak ini akan menjadi lebih kuat jika kaum Melayu menjadi sebahagian penting daripada ekonomi baru kita yang berteraskan ilmu.

Ekonomi berteraskan ilmu atau KBE membuka peluang dan cabaran. Para pelajar yang cekap dalam bahasa Inggeris, dan mempunyai asas yang kuat dalam mata pelajaran sains, matematik dan teknologi maklumat, akan berjaya. Mereka yang lemah dalam mata-mata pelajaran ini akan tertinggal di belakang, kerana tidak ada pengetahuan asas untuk mendapatkan kemahiran yang diperlukan bagi pekerjaan yang baik.

Sebab itulah kita telah mempertingkatkan sekolah-sekolah dan mengkaji semula kurikulum kita. Ia bertujuan untuk membina satu generasi pelajar baru yang berfikiran kreatif, berdaya-cipta dan mahir komputer.

Saya ingin bertanya kepada anda pada malam ini: Adakah anak-anak anda sedang dipersiapkan untuk merebut peluang-peluang dalam dunia baru, yang berteraskan ilmu?

Sebagai seorang bapa, saya juga faham betapa ibubapa Melayu mahu anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran, maju dalam kerjaya dan berakhlak baik. Mereka juga mahu anak-anak belajar dan mewarisi nilai-nilai Islam. Sebab itulah, sebahagian ibubapa Melayu menghantar anak-anak mereka ke madrasah sepenuh masa. Madrasah memberi pendidikan agama dan berusaha menghasilkan para asatizah dan ulamak. Saya faham peranan mereka.

Sekarang ini, terdapat empat ribu anak-anak Melayu-Islam di beberapa madrasah sepenuh masa. Daripada jumlah itu, ramai yang tercicir setiap tahun. Malah, sebahagian besar tidak tamat pengajian tinggi agama. Sebab itu, saya bimbang, ramai anak-anak ini tidak akan mendapat bekalan yang cukup untuk menghadapi sekitaran ekonomi baru.

Saya bertambah bimbang kerana, daripada rekod sepanjang tiga tahun lalu, purata enam puluh lima peratus pelajar madrasah kita, berhenti sekolah sebelum tamat Menengah Empat. Kadar keciciran ini adalah terlalu tinggi. Pelajar yang tercicir akan berdepan dengan peluang pekerjaan yang malap. Apakah peluang dan harapan masa depan anak-anak ini?

Oleh kerana itu, saya telah meminta Abdullah Tarmugi bekerjasama dengan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Majlis Pembangunan Masyarakat Islam Singapura (MENDAKI) dan madrasah-madrasah untuk melakukan kajian ke atas para lepasan madrasah. Ia bertujuan mendapatkan fakta sebenar dari segi peluang pekerjaan para pelajar ini. Di manakah mereka sekarang? Bagaimanakah kehidupan mereka? Dengan fakta-fakta itu, ibu bapa Melayu akan berada dalam keadaan yang lebih baik untuk membuat keputusan mengenai pendidikan anak-anak mereka.

Saya alu-alukan Konvensyen KBE untuk masyarakat Melayu-Islam dalam bulan Disember ini. Adalah penting bagi kita menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu-Islam secara terbuka dan jujur. Kita perlu menimbangankan tentang masa depan anak-anak kita dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa dan dunia yang amat bersaing. Globalisasi telah membuat persaingan untuk menarik pelaburan dan pekerjaan menjadi lebih sengit.

Konvensyen KBE anda perlu menetapkan matlamat yang lebih tinggi bagi masyarakat Melayu-Islam. Ia harus mencetuskan buah fikiran atau idea-idea baru untuk merangsang dan meningkatkan pencapaian orang Melayu.

Sejak merdeka, kita telah saksikan sendiri perubahan yang dilalui oleh orang Melayu. Hari ini, lebih ramai anak Melayu berpelajaran tinggi dan berkemahiran, sama ada di peringkat ITE, politeknik atau universiti. Kian ramai mendapat pekerjaan yang lebih baik dalam sektor awam dan swasta. Taraf dan mutu hidup anda sudah meningkat. Ramai juga sudah mula berniaga. Saya yakin kita akan dapat menghasilkan peniaga Melayu yang amat bersaing dan juga lebih ramai orang Melayu yang berjaya.

Seperti kata peribahasa Melayu: "Sedikit, sedikit, lama-lama menjadi bukit." Kejayaan orang Melayu kian meningkat. Ia bermakna, orang Melayu telah membuat perubahan positif dan berjaya dalam sistem meritokrasi kita. Saya yakin, orang Melayu akan terus berusaha untuk mencapai perubahan dan kemajuan dalam membina kehidupan yang lebih baik di Singapura. Saya akan sentiasa sokong usaha anda untuk lebih maju.

Semoga anda berjaya. Sekian. Terima kasih.